

**Beri perhatian serius titah Yang di-Pertuan Agong
Utusan Online
13 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 12 Mac - Ahli-ahli Parlimen diingatkan supaya memberi perhatian serius terhadap titah Yang di-Pertuan Agong agar perbahasan diadakan dengan berlandaskan keikhlasan dan semangat memajukan kehidupan rakyat selain menjaga kehormatan serta kemuliaan Parlimen.

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd Puad Zarkashi berkata, persidangan lalu seharusnya dijadikan iktibar kerana ramai dalam kalangan ahli-ahli Parlimen tidak boleh mengawal emosi dan membuat tuduhan liar.

"Tindakan mereka sebenarnya cuba meraih populariti dan dilihat sebagai hero sehingga berbahas secara emosi," katanya.

Justeru Ahli Parlimen Batu Pahat itu mengingatkan semua ahli Parlimen agar tidak beranggapan Parlimen sebagai tempat untuk mereka dilihat sebagai pejuang sedangkan yang dilakukan tidak mendatangkan sebarang faedah.

"Saya berharap titah ini diberi perhatian oleh ahli Parlimen kerana kita sudah masuk penggal kelima persidangan," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen ke-12 di lobi Parlimen, di sini hari ini.

Beliau berharap persidangan kali ini dapat meletakkan Parlimen Malaysia dalam kelas dunia melalui sikap profesional ahli-ahli Parlimen selain mengekalkan sistem demokrasi dan raja berperlembagaan.

"Saya harap Parlimen Malaysia akan membuktikan ia semakin matang dan semakin menarik perhatian masyarakat untuk mendengar dan mengikuti setiap perbahasan yang berlaku terutama sebelum menjelang pilihan raya ini," katanya.

Beliau juga berkata, titah Yang di-Pertuan Agong berhubung pelaksanaan projek mengikut jadual dan memenuhi keperluan sasaran juga merupakan ingatan yang penting.

Namun katanya, kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional telah melakukan transformasi dan melaksanakan projek yang memenuhi sasaran seperti pelaksanaan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM) yang majoriti rakyat telah menerimanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0313&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_03.htm